



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia)
Ministry of Agriculture & Agro – Based Industry Malaysia
PEJABAT PERIKANAN NEGERI PULAU PINANG
JALAN AKUARIUM
11700 GELUGOR
PULAU PINANG

Telefon : 04-6572777
Faks : 04-6572323
Laman web : www.dof.gov.my
Emel : prkpenang@dof.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MAKLUMBALAS BERKAITAN "INFO UNTUK WARGA PULAU PINANG DAN UTARA" SUSULAN KES KEMATIAN IKAN DALAM SANGKAR DI PERAIRAN TELUK BAHANG , PULAU PINANG

Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang ingin memberi maklumbalas berkaitan isu yang tular baru-baru ini di media sosial berhubung "**Info untuk warga Pulau Pinang dan Utara**". Ini adalah susulan kejadian kematian ikan dalam sangkar di perairan Teluk Bahang, Pulau Pinang bermula pada 10 Ogos 2019 tempoh hari.

Ingin dimaklumkan di sini bahawa punca kematian ikan sangkar di Teluk Bahang baru-baru ini masih dalam siasatan oleh agensi-agensi berkenaan iaitu Jabatan Perikanan, CEMACS USM dan Jabatan Alam Sekitar.

Untuk makluman, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah menghantar sampel ikan dan sampel air ke Makmal Jabatan Perikanan bagi analisis terperinci parameter rasmi seperti kualiti air, kandungan logam berat, parasit dan sebagainya. Hasil analisa tersebut akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

Sehubungan itu, Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang **menafikan dakwaan** artikel berkenaan bahawa kematian ikan-ikan tersebut adalah akibat keracunan dan pencemaran.

Kami ingin menegaskan bahawa, selagi keputusan rasmi tidak dikeluarkan berlandaskan analisa yang dijalankan, dakwaan dari artikel tersebut adalah tidak berasas.

Sekian, terima kasih.

Pengarah Perikanan Negeri
Pulau Pinang



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

Sila nyatakan nombor rujukan kami apabila menjawab surat ini

* TAMAT *

Pegawai untuk dihubungi :

Nama : Cik Hani Nadhirah binti Zainoddin
No. Telefon : 04-6572777



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI

Sila nyatakan nombor rujukan kami apabila menjawab surat ini